

**SOALAN NO. 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJAH NORMALA BT ABDUL SAMAD  
[ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dato' Hajah Normala Bt Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan dan tindakan oleh pihak Kementerian dalam membendung isu kanak-kanak yang menjaja dan menjual makanan ringan di tepi jalan bagi membantu pendapatan keluarga.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin terhadap kebajikan dan perlindungan kanak-kanak. Kebajikan dan perlindungan kanak-kanak dilihat dari empat aspek seperti yang digariskan di dalam *Convention on the Right of Children (CRC)* iaitu Hak Kehidupan, Hak Perlindungan, Hak Perkembangan dan Hak Penyertaan.

Berhubung dengan aktiviti yang dilakukan oleh kanak-kanak iaitu menjalankan penjajaan dan menjual makanan ringan di tepi jalan bagi membantu pendapatan keluarga, isu ini perlu dilihat secara diplomatik dan memerlukan tindakan berbentuk intervensi sosial terhadap keluarga tersebut. Sekiranya aktiviti yang dijalankan ini boleh menjejaskan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa berusaha melindungi dan membantu kanak-kanak daripada semua bahaya termasuk pengabaian, penderaan, diskriminasi dan eksploitasi. Bantuan dan perkhidmatan disediakan kepada kanak-kanak dan keluarga kanak-kanak sekiranya mereka memerlukan bantuan untuk dapat meneruskan kelangsungan hidup. Antara bantuan dan perkhidmatan yang disediakan adalah:

- i. Bantuan kewangan kepada keluarga jika didapati langkah itu bersesuaian dengan kebolehan keluarga untuk meneruskan hidup dan mengelak dari kanak-kanak menjalankan penjajaan yang boleh menjejaskan keselamatan dan masa depan mereka;
- ii. Perkhidmatan kaunseling kepada kanak-kanak untuk mengendalikan keperluan emosi kanak-kanak. Kaunseling kepada keluarga dan program keibubapaan akan turut diberikan bagi

memastikan mereka mengetahui aspek keselamatan dan perlindungan kanak-kanak.

iii. Kanak-kanak diletakkan di bawah jagaan orang yang layak dan sesuai di bawah Seksyen 30(1)(b) Akta Kanak-Kanak 2001 supaya mereka boleh terus hidup dalam suasana kekeluargaan.

iv. Sekiranya keluarga tidak mampu untuk menjaga kanak-kanak, kanak-kanak boleh diambil ke dalam jagaan di institusi JKM untuk jagaan dan perlindungan di bawah Seksyen 30 (1) (d). Di samping itu terdapat juga Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah JKM boleh memainkan peranan membantu melindungi kanak-kanak ini. Namun, ini adalah langkah terakhir selepas usaha-usaha lain dilaksanakan.

v. Bagi ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang diselamatkan, mereka boleh dikenakan tindakan iaitu menyempurnakan bon dengan perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah perenggan 30(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi memastikan mereka benar-benar melaksanakan tanggungjawab yang sewajarnya terhadap anak mereka.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian juga telah membuat pindaan terhadap peruntukan Seksyen 32 Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu meningkatkan hukuman denda dan pemenjaraan sedia ada serta memasukkan Khidmat Masyarakat (*community service*) sebagai hukuman tambahan mandatori kepada ibu bapa atau penjaga yang telah menyebabkan atau mengakibatkan kanak-kanak untuk mengemis, menerima sedekah, menjaja atau menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang. Bagi kesalahan ini, tempoh maksimum pemenjaraan dinaikkan daripada 2 tahun kepada 5 tahun, denda dinaikkan daripada RM5,000.00 kepada RM20,000.00 atau kedua-duanya dengan Khidmat Masyarakat sebagai hukuman mandatori.